



**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN, PELAKSANAAN DAN  
PELAPORAN PROJEK DI BAWAH GERAN  
LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA**

**- PENGENALAN**

## **PENGENALAN**

Garis Panduan Permohonan, Pelaksanaan dan Pelaporan Projek ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Penerima Geran, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia mengenai tanggungjawab dalam menguruskan Geran Promosi Kesihatan dan pelaksanaan projek promosi kesihatan kepada kumpulan sasaran iaitu komuniti.

## **TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan memberi keterangan dan penjelasan mengenai syarat-syarat, kelayakan dan prosedur permohonan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan yang ingin memohon Geran Promosi Kesihatan, bagi melaksanakan projek promosi kesihatan.

## **PENYELENGGARAAN GERAN PROMOSI KESIHATAN, LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA**

1. Geran Promosi Kesihatan hendaklah digunakan bagi tujuan pelaksanaan projek yang telah dipersetujui.
2. Peruntukan yang diberi adalah bagi tempoh 12 bulan sahaja. Sekiranya peruntukan tersebut didapati tidak digunakan dalam tempoh 12 bulan, maka peruntukan tersebut akan ditarik balik;
3. Peruntukan yang diterima PERLU disimpan dalam akaun bank berasingan (Akaun Semasa); dan
4. Penerima peruntukan perlu menyediakan fail khas mengenai peruntukan dan projek yang dilaksanakan menggunakan peruntukan dari Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia.

29 JANUARI 2014



**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN, PELAKSANAAN DAN  
PELAPORAN PROJEK DI BAWAH GERAN  
LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA**

**- TERMA DAN SYARAT**

## **TERMA DAN SYARAT**

### **Syarat-Syarat Kelayakan**

Permohonan yang **LAYAK** akan dibawa ke Mesyuarat Khas Ahli Lembaga, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia.

Borang yang tidak lengkap atau di luar bidang keutamaan akan dikembalikan kepada pemohon dan tidak akan diproses.

### **PERTUBUHAN Yang Layak Diberi Pertimbangan Adalah Seperti Berikut :**

- Pertubuhan hendaklah merupakan Pertubuhan sukan, rekreasi, kebudayaan dan pertubuhan berkaitan kesihatan lain;
- Pertubuhan yang ditubuhkan secara rasmi, berdaftar, bertaraf tempatan dan diiktiraf oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia bersesuaian dengan dasar dan kuasa undang-undang negara ini yang berkaitan bagi melaksanakan sesuatu projek promosi kesihatan yang mempunyai kepentingan untuk komuniti;
- Pertubuhan yang menjalankan projek kepada kumpulan sasaran yang telah ditetapkan oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia;
- Pertubuhan yang tidak berorientasikan keuntungan (*non profit making*);
- Pertubuhan yang tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh akan lebih dipertimbangkan; dan
- Pertubuhan yang mempunyai perancangan yang konkrit untuk membiayai sendiri projek selepas tempoh penerimaan geran.

### **PROJEK Yang Layak Dipertimbangkan Adalah Seperti Berikut :**

- Projek yang selaras dengan bidang-bidang keutamaan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Lampiran A dan B);
- Projek yang memberikan impak yang besar dan bersifat jangka masa panjang kepada kumpulan sasaran;
- Projek yang memberi manfaat kepada kumpulan sasaran;

- Projek yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia serta tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan permasalahan dan menggugat ketenteraman negara seperti isu agama, perkauman dan politik;
- Projek bagi permohonan seterusnya hanya akan dipertimbangkan setelah Laporan Akhir Projek yang lengkap bagi projek sedia ada diterima; dan
- Keutamaan akan diberi kepada Pertubuhan yang belum pernah menerima geran.

#### **PERTUBUHAN Yang Tidak Layak Diberi Pertimbangan Adalah Seperti Berikut :**

- Pertubuhan tidak berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana Badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang Negara;
- Pertubuhan entiti berdaftar yang mementingkan keuntungan (*profit-oriented*);
- Pertubuhan yang menerima bantuan kewangan daripada syarikat tembakau atau alkohol atau agen mereka;
- Mana-mana Pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Induk. Contohnya : RELA, PIBG dan sebagainya;
- Badan-badan Sukan dan Kebajikan Jabatan Kerajaan;
- Tidak diluluskan oleh Perlembagaan masing-masing untuk bergerak dalam bidang yang sama di bawah bidang tugas Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia;
- Pertubuhan politik dan orang perseorangan; dan
- Telah dibatalkan pendaftaran oleh Pendaftar Pertubuhan.

#### **PROJEK Yang Tidak Layak Dipertimbangkan Adalah Seperti Berikut :**

- Projek yang tidak selaras dengan objektif dan fungsi Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia;
- Projek yang berbentuk '*curetive*' yang berasaskan rawatan, pemulihan, terapi atau perkhidmatan kesihatan;
- Projek yang menjadi teras agensi Kerajaan atau merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, Negeri, Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan;
- Projek yang melibatkan penajaan biasiswa/ dermasiswa atau apa-apa jenis geran yang berbentuk wang tunai/derma kepada golongan ibu tunggal/ wanita kurang bernasib baik dan sebagainya;
- Projek yang telah dilaksanakan sebelum permohonan diluluskan;

- Projek yang kumpulan sasar bukan seperti yang ditetapkan;
- Projek yang melibatkan perbelanjaan bermewah seperti mengadakan kursus di hotel-hotel mewah dan sebagainya;
- Projek yang membayar gaji, elaun, potongan KWSP dan SOCSO untuk kakitangan Pertubuhan;
- Projek yang melibatkan pembelian harta modal/aset seperti bangunan, komputer, mesin jahit dan sebagainya;
- Projek bagi geran modal/pinjaman untuk memulakan perniagaan;
- Projek yang bermotifkan keuntungan (*profit-oriented*) untuk Pertubuhan;
- Projek berbentuk lawatan di dalam negeri atau di luar negeri;
- Projek yang boleh menimbulkan isu sensitif; dan
- Projek yang di luar bidang tugas Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia.

### **Prosedur Permohonan**

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan rasmi dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan dan Surat Pengesahan Pendaftaran Pertubuhan (dari Pejabat Pendaftaran Pertubuhan);
- Salinan Perlembagaan Pertubuhan atau *Memorandum of Article*;
- Salinan terkini Penyata Akaun Semasa (current account) Pertubuhan dan Surat Pengesahan Akaun Bank Pertubuhan (dari bank berkaitan);
- Profil Pertubuhan berserta senarai Jawatankuasa Kerja terkini serta salinan Minit Mesyuarat Agung terakhir yang diadakan;
- Laporan Tahunan terkini;
- Kertas kerja yang lengkap;
- Surat kelulusan Jawatankuasa Etika (bagi projek penyelidikan sahaja); dan
- Semua permohonan hendaklah dikemukakan 60 hari (2 bulan) sebelum tarikh pelaksanaan program/aktiviti.

Semua borang permohonan mestilah disertai dengan kertas kerja yang lengkap untuk menyokong permohonan tersebut yang mengandungi, antara lain;

- Keterangan projek dan jangkaan faedahnya kepada masyarakat tempatan;
- Anggaran keperluan kewangan secara terperinci iaitu bagi keperluan fizikal dan pengurusan;

- Kedudukan kewangan terkini dan rancangan masa hadapan untuk meneruskan aktiviti tanpa geran tambahan daripada Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia;
- Mempunyai keupayaan dan kaedah untuk melaksanakan projek, misalnya dari segi organisasi/ jawatankuasa/ jentera yang ada;
- Menyatakan maklumat mengenai geran yang diterima daripada Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia /Jabatan lain;
- Pertubuhan yang pernah menerima geran daripada Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia perlu menyatakan tahun dan jumlah geran yang diterima;
- Semua permohonan akan dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemberian Geran Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia;
- Projek yang dipilih hendaklah bercirikan kemasyarakatan dan berteraskan komuniti;
- Aktiviti projek hanya boleh dimulakan apabila urusan menandatangani kontrak dan pentadbiran kontrak selesai dibuat;
- Semua projek yang dilaksanakan hendaklah mengadakan urusan penilaian projek dan penilaian sebelum dan selepas hendaklah dilakukan bagi menilai tahap keberkesanan atau impak projek ke atas masyarakat;
- Semua kawasan projek hendaklah diistiharkan sebagai kawasan larangan merokok di sepanjang tempoh projek. Papan tanda larangan merokok hendaklah disediakan secukupnya;
- Sebagai langkah perbelanjaan berhemah, penerima geran digalakkan untuk menggunakan premis kerajaan atau tempat-tempat awam di bawah pentadbiran Pihak Kerajaan Tempatan yang mengenakan sewaan yang minimum; dan
- Penerima geran digalakkan untuk menyajikan makanan yang sihat.

### **Prosedur Selepas Permohonan Diluluskan**

- Surat Niat akan dikemukakan kepada Pertubuhan terlebih dahulu bagi memaklumkan sekiranya terdapat pindaan kepada objektif-objektif asal yang dipohon oleh Pertubuhan dan juga syarat-syarat baru yang perlu dipatuhi untuk melaksanakan projek. Surat niat juga adalah pemakluman permohonan Pertubuhan tersebut diluluskan dengan syarat-syarat baru oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia;

- Seterusnya Surat Tawaran secara rasmi dikemukakan kepada Pertubuhan yang mana ianya disertakan bersekali dengan Surat Setuju Terima Geran, Garis Panduan Pelaksanaan Dan Pelaporan Projek Geran Promosi Kesihatan dan juga Dokumen Perjanjian Kontrak. Dokumen-dokumen tersebut perlu dikembalikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran;
- Dokumen Perjanjian Kontrak yang disediakan dalam dua (2) salinan akan perlu ditandatangani dan akan diduti setem oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Kos duti setem perlu ditanggung oleh Pertubuhan berkenaan.
- Cek bayaran pertama akan dikeluarkan setelah Surat Setuju Terima, Dokumen Kontrak, Pelan Perincian Pelaksanaan Aktiviti dan Perincian Anggaran Projek yang lengkap diterima daripada Pertubuhan.

### **Prosedur Kawalan Dan Pengesanan**

- Dokumen Perjanjian Kontrak hendaklah dimeterai di antara Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia sebagai penyalur geran dengan Pertubuhan sebagai penerima Geran;
- Laporan-laporan Kemajuan Projek Suku Tahun dan Kewangan mengenai projek yang dibiayai daripada geran ini hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia bagi projek yang melebihi satu (1) tahun;
- Bagi yang kurang daripada satu (1) tahun, Laporan Kemajuan Projek hendaklah dikemukakan pada setiap hujung bulan dan Laporan Akhir Projek hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya 30 hari setelah projek tamat;
- Bagi geran yang melebihi RM100 ribu, Laporan Tahunan dan Kewangan yang telah diaudit hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mei tahun berikutnya. Kegagalan mengemukakan mana-mana laporan yang ditetapkan membolehkan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia untuk menghentikan geran dan menolak mana-mana permohonan baru daripada Pertubuhan berkenaan;
- Pertubuhan boleh mengenakan caj/ yuran penyertaan di bawah projek yang diberi geran, tetapi kadarnya perlu dimaklumkan secara bertulis kepada dan diluluskan oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia terlebih dahulu;
- Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia berhak untuk menarik balik kelulusan dan meminta dikembalikan wang geran yang telah dikeluarkan sekiranya didapati Pertubuhan berkenaan gagal melaksanakan projek sebagaimana



yang dipersetujui atau melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan dan geran lanjutan tidak akan dipertimbangkan;

- Geran pro-aktif kepada Pertubuhan hendaklah diberikan mengikut keperluan dan prestasi pencapaian tahunan. Sebolehnya, ia hendaklah dikeluarkan secara suku tahunan berdasarkan laporan prestasi suku tahun sebelum dan juga permohonan bagi suku tahun berikutnya. "*Shortfall*" hendaklah ditolak daripada pemberian suku tahun berikutnya.
- Garis Panduan Teknikal akan disediakan oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia untuk tujuan menetapkan piawaian/ kualiti projek yang dikehendaki daripada Pertubuhan berkenaan;
- Memandangkan Pertubuhan tertentu turut menerima sumber kewangan daripada berbagai punca, pemberian yang disalurkan melalui Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia hendaklah disimpan di dalam akaun bank berasingan bagi memudahkan rekod dan pengesahan; dan
- Projek Pertubuhan yang dibiayai di bawah Geran Promosi Kesihatan perlu memberikan pengiktirafan kepada Kerajaan dengan menyatakan bahawa projek tersebut merupakan anjuran bersama dengan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia melalui penggunaan logo Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia.

**ASAS PERTIMBANGAN GERAN PROMOSI KESIHATAN, LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>SEMENANJUNG</b>	<b>SABAH / SARAWAK</b>
1	<b>Pakej Seminar</b>	Berdasarkan kelulusan Mesyuarat Urusetia Jawatankuasa Pemberian Geran Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia	
	1.1. Pakej Kursus Beserta Penginapan		
	1.2. Pakej Kursus Tanpa Penginapan		
2	<b>Sewaan</b>		
	2.1. Dewan		
	2.2. Sistem siaran & LCD <i>Projector</i>		
3	<b>Pengangkutan</b>		
	Untuk sekali program (bagi program-program wargaemas, OKU, Sabahdan Sarawak serta program yang dijalankan dikawasan pedalaman sahaja)		
4	<b>Penceramah</b>		
	4.1 Kadar		
	4.1.1 Diploma / sijil 4.1.2 Sarjana Muda 4.1.3 Sarjana 4.1.4 Doktor Falsafah		
5	<b>Fasilitator</b>		
	Untuk sekali program (dipertimbangkan bagi program-program berskala besar dan program yang menjalankan aktiviti diluar dewan sahaja)		
6	<b>Bahan Cetak / seorang</b>		
	Untuk sekali program		
7	<b>Sijil / seorang</b>		
	Untuk sekali program		
8	<b>Bahan guna habis / seorang</b>		
	Untuk sekali program		
9	<b>Backdrop / banner/bunting</b>		
	Untuk sekali program		

Komposisi perbelanjaan geran hendaklah mengikut anggaran sepertimana yang ditetapkan oleh Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia iaitu :

- 15% perbelanjaan upah/ elaun;
- 60% perbelanjaan program/ aktiviti projek; dan
- 25% perbelanjaan pentadbiran.

**Senarai Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan Di Bawah Geran Promosi Kesihatan, Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia**

1. Pembelian harta modal atau aset seperti contoh di bawah :
  - i. Bangunan;
  - ii. Komputer;
  - iii. Mesin Jahit; dan
  - iv. Seterika.
  
2. Geran Modal / Pinjaman Untuk Memulakan Perniagaan / Biasiswa / Dermasiswa;
  
3. Kos atau fi guaman, cukai atau duti-duti setem, bayaran konsultan, bayaran pos, hadiah, saguhati, cabutan bertuah, cenderahati, elaun(ganti rugi, peserta, fasilitator, urusetia) dan gaji;
  
4. Bayaran utiliti seperti :
  - i. Bil Air; dan
  - ii. Elektrik;
  - iii. Sewa Rumah;
  - iv. Bangunan; dan
  - v. Peralatan.
  
5. Bagi Tujuan Lawatan Di Dalam Atau Di Luar Negeri.

**Bidang Keutamaan Bagi Program Promosi Kesihatan Geran Promosi Kesihatan,  
Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia**

- 1) Kawalan Dan Pencegahan Penggunaan Tembakau Dan Alkohol;
- 2) Promosi Cara Hidup Sihat Seperti Promosi Senaman Atau Aktiviti Fizikal Dan Makan Secara Sihat;
- 3) Kesihatan Persekitaran;
- 4) Kesihatan Mental;
- 5) Pencegahan Kanser;
- 6) Pencegahan Diabetes;
- 7) Pencegahan Penyakit Kardiovaskular;
- 8) Pencegahan Obesiti;
- 9) Kesihatan Seksual (Termasuk HIV/ AIDS);
- 10) Penyelidikan Di Bidang Promosi Kesihatan; dan
- 11) Promosi Kesihatan Melalui Aktiviti Sukan Dan Kebudayaan.

**KATEGORI GERAN**

Program dan aktiviti geran Lembaga Promosi kesihatan Malaysia terbahagi kepada lima (5) kategori geran seperti berikut;

**1. PROMOSI KESIHATAN**

Cadangan Projek:

<b>Bil.</b>	<b>JENIS PAKEJ</b>	<b>JENIS PROJEK</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>KUMPULAN SASAR</b>
1.	Aktiviti Cara Hidup Sihat	a) Senaman dan Aktiviti Fizikal	<b>(Contoh)</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Jogathon atau jalan kaki untuk kesihatan</li><li>- Tai chi, chi qong</li><li>- Senamrobik/tarirobik</li><li>- Berbasikal</li><li>- Jump rope</li><li>- Sukaneka</li><li>- dan lain-lain</li></ul>	-Seluruh masyarakat sesuatu lokaliti, atau -Kumpulan khusus: <ul style="list-style-type: none"><li>• Pekerja</li><li>• Pelajar/remaja</li><li>• Kaum wanita/</li><li>• Suri rumah tangga</li><li>• Warga emas</li></ul>

Bil.	JENIS PAKEJ	JENIS PROJEK	AKTIVITI	KUMPULAN SASAR
		b) Makan Secara Sihat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pertandingan mencipta resipi sihat</li> <li>- Makanan Secara Sihat ikut Piramid Makanan</li> <li>- Pengurusan Berat Badan</li> <li>- Kem komuniti</li> <li>- Pertandingan memasak makanan/resipi sihat</li> <li>- dan lain-lain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Seluruh masyarakat sesuatu lokaliti, atau</li> <li>- Kumpulan khusus: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaum wanita/</li> <li>• suri rumah</li> <li>• Remaja</li> <li>• Warga emas</li> <li>• Kanak-kanak TADIKA</li> </ul> </li> </ul>
		c) Kesihatan Mental/ Minda Sihat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengurus stres</li> <li>- Menangani kemarahan dan lain-lain</li> <li>- Menyemai Minda Sihat</li> <li>- Pertandingan drama/sketsa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Seluruh masyarakat sesuatu lokaliti, atau</li> <li>- Kumpulan khusus: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaum wanita</li> <li>• suri rumah tangga</li> <li>• Remaja/pelajar</li> <li>• Warga emas</li> <li>• Pekerja</li> </ul> </li> </ul>

BIL.	JENIS PAKEJ	JENIS PROJEK	AKTIVITI	KUMPULAN SASAR
		d) Anti Merokok	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kempen berhenti merokok</li> <li>- Mencegah tabiat merokok di kalangan wanita/pelajar/remaja</li> <li>- Membentuk modul Anti-Merokok</li> <li>- Kepimpinan dalam kempen menentang penggunaan tembakau</li> <li>- Persekitaran bebas dari asap rokok</li> <li>- Pertandingan drama/sketsa bertemakan anti merokok</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Masyarakat umum</li> <li>- Kumpulan tertentu: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Wanita</li> <li>• Pelajar/Remaja/Kanak-kanak</li> <li>• Perokok</li> </ul> </li> </ul>
2.	Aktiviti Pencegahan Penyakit Kronik	a) Penyakit Kardiovaskular	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kem kesihatan</li> <li>- Makanan sihat untuk mencegah penyakit jantung atau strok atau darah tinggi</li> <li>- Senaman untuk mencegah penyakit kardiovaskular <ul style="list-style-type: none"> <li>- Larian jantung sihat</li> </ul> </li> </ul>	Mereka yang mempunyai faktor risiko, seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perokok</li> <li>• Berlebihan berat badan/gemuk</li> <li>• Mempunyai sejarah keluarga yang mengidap penyakit kardiovaskular</li> <li>• Yang tidak aktif secara fizikal</li> <li>• Mereka yang mempunyai profil lipid tidak normal</li> </ul>

				<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tekanan darah tinggi</li> </ul>
		b) Diabetes Mellitus	<p><b>(Contoh)</b></p> <p>Kem kesihatan/kem diabetes</p> <p>Senaman mencegah diabetes</p> <p>Makanan sihat mencegah diabetes.</p> <p>Seminar untuk pradiabetes</p>	<p>Mereka yang mempunyai faktor risiko, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perokok</li> <li>• Berlebihan berat badan/gemuk</li> <li>• Mempunyai sejarah keluarga yang mengidap diabetes</li> <li>• Yang tidak aktif secara fizikal</li> <li>• Mereka yang mempunyai profil lipid tidak normal</li> <li>• Tekanan darah tinggi</li> <li>• Warga emas</li> <li>• Kaum wanita/suri rumah</li> <li>• Masyarakat umum</li> </ul>
		c) Kanser dan lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kem kesihatan/kem kanser</li> <li>- Seminar Cegah Kanser Payu dara atau Servik</li> <li>- Senaman dan Pemakanan sihat mencegah kanser</li> <li>- Pengesanan awal kanser</li> <li>- Kuiz kesihatan dan Kanser</li> <li>- Larian/Jom Kayuh Menentang Kanser</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mereka yang mempunyai faktor risiko, seperti:</li> <li>• Perokok</li> <li>• Berlebihan berat badan/gemuk</li> <li>• Mempunyai sejarah keluarga yang mengidap kanser</li> <li>• Yang tidak aktif secara fizikal</li> <li>• Mereka yang mempunyai profil lipid</li> </ul>



			<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mencari Harta Karun berkaitan kanser</li> </ul>	<p>tidak normal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tekanan darah tinggi</li> <li>• Warga emas</li> <li>• Kaum wanita/suri rumah tangga</li> <li>• Masyarakat umum</li> </ul>
3.	Aktiviti Kesihatan Persekitaran	a) Kebersihan persekitaran dan makanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- kempen kebersihan mencegah</li> <li>- penyakit bawaan vektor seperti</li> <li>- denggi</li> <li>- kebersihan gerai/makanan</li> <li>- pertandingan kantin sihat</li> <li>- sekolah-sekolah</li> <li>- Seminar/forum kebersihan makanaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat umum</li> <li>• Pengendali</li> <li>• Makanan</li> <li>• Pengusaha premis</li> <li>• Makanan</li> <li>• Pelajar</li> </ul>

BIL.	JENIS PAKEJ	JENIS PROJEK	AKTIVITI	KUMPULAN SASAR
		b) Persekitaran sejahtera <i>(healthy setting)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kampung contoh</li> <li>- Bandar sejahtera</li> <li>- Pasar sejahtera</li> <li>- Sekolah/kampus sejahtera</li> <li>- Pulau sejahtera dan lain-lain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat umum</li> <li>• Pemimpin</li> <li>• masyarakat</li> <li>• Pihak berkuasa</li> <li>• sekolah/IPTA/IPTS</li> </ul>

## **2. SUKAN DAN REAKREASI**

### **Polisi Sukan Sihat**

Semua Organisasi atau Pertubuhan sukan adalah digalakkan melaksanakan Polisi Sukan Sihat yang digubal ke arah mewujudkan tingkahlaku dan persekitaran yang sihat untuk para pentadbir sukan, jurulatih, sukarelawan dan peminat-peminat sukan.

### **Tujuan**

Tujuan utama polisi ini adalah untuk:

- Meningkatkan minat masyarakat di dalam sesuatu bidang sukan tertentu dan menceburinya;
- Mencapai tahap kecergasan prestasi yang optima dan kecemerlangan di kalangan para peminat-peminat sukan dalam sesuatu jenis sukan; dan
- Mewujudkan persekitaran yang sihat untuk mereka yang terlibat secara langsung dengan bidang sukan.

### **Komponen Polisi**

Polisi sukan sihat merangkumi 3 komponen penting, iaitu:

- Persekitaran bebas asap rokok
- Keselamatan sukan
- Makan secara sihat

### **Persekitaran Bebas Asap Rokok**

- Terdapat pelbagai kajian yang menunjukkan merokok menjejaskan kesihatan, kecergasan dan prestasi sukan seseorang ahli sukan. Asap rokok bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada pengisap rokok tetapi juga kepada mereka yang berdamping dan berada di sekitar perokok. Oleh yang demikian bebaskan Pertubuhan anda dari asap rokok;
- Pastikan semua para atlet, pengurus, jurulatih, ahli jawatankuasa dan pegawai-pegawai anda tidak merokok di depan orang ramai apabila mewakili Pertubuhan anda;

- Letakkan papan tanda DILARANG MEROKOK di tempat-tempat yang strategik di sekitar pejabat dan tempat latihan atau pertandingan/kejohanan;
- Sediakan bahan-bahan pendidikan anti merokok untuk pelawat dan ahli-ahli Pertubuhan anda;
- Jika pejabat anda berkongsi premis dalam bangunan yang sama dengan orang lain, pastikan jiran anda mengetahui bahawa anda mengamalkan polisi larangan merokok ini;
- Jadikan sesi mesyuarat atau apa-apa upacara/acara sukan yang dianjurkan oleh Pertubuhan anda sebagai majlis yang bebas dari asap rokok;
- Melarang penjualan rokok di dalam dan di sekitar tempat sukan;
- Jadikan semua ruang pejabat, tempat rehat, bilik air, bilik bersalin sebagai tempat larangan merokok;
- Pastikan semua pelawat yang berkunjung ke pejabat anda mengetahui bahawa Pertubuhan anda mengamalkan polisi larangan merokok;
- Membuat pengumuman larangan merokok semasa temasya sukan atau pertandingan untuk mengingati pengunjung tentang bahaya merokok.
- Alih dan simpan semua bekas abu rokok dari kawasan pejabat Pertubuhan anda; dan
- Galakkan ahli-ahli atau pegawai Pertubuhan anda yang merokok menghadiri program berhenti merokok.

### **Keselamatan sukan**

Keselamatan dalam aktiviti sukan adalah sangat penting untuk diberi perhatian. Cara yang terbaik untuk mencegah kecederaan sukan adalah dengan memberi penekanan kepada:

- Pengetahuan terhadap peraturan permainan;
- Penggunaan peralatan dengan betul; dan
- Bersukan dengan selamat.

Oleh yang demikian pemohon diwajibkan untuk:

- Memastikan semua peralatan sukan dan peralatan pelindung (*protective equipments*) berada dalam keadaan baik sebelum memulakan latihan atau aktiviti;
- Mengamalkan prinsip-prinsip senaman yang betul semasa latihan dengan melakukan regangan, memanaskan dan menyejukkan badan;
- Menyediakan peralatan pelindung di mana perlu;
- Mendapat dan menyediakan maklumat atau garis panduan mengenai beberapa masalah kesihatan berkaitan dengan sukan seperti asma, diabetes, kehamilan dan sebagainya; dan
- Memastikan semua kemudahan atau tempat bersukan Pertubuhan anda berada dalam keadaan yang selamat dan jauh dari bahaya.

Pemohon juga digalakkan untuk:

- Mengadakan sesi latihan pertolongan cemas kepada para pegawai dan atlet anda secara berkala; dan
- membentuk satu pelan kecemasan untuk Pertubuhan anda.

### **Makan Secara Sihat**

Pengambilan makanan seimbang telah terbukti dapat meningkatkan prestasi sukan seseorang atlet. Memakan makanan sihat merangkumi pemilihan pelbagai jenis makanan dan pengambilan makanan yang diimbangi dengan aktiviti fizikal. Sesebuah pertubuhan sukan perlu menitik beratkan aspek-aspek pemakanan dengan:

- Menyediakan atau menyajikan pelbagai jenis makanan yang terdiri daripada;
- Makanan yang memberi tenaga;
- Lebihkan buah-buahan dan sayur-sayuran;
- Daging merah, daging ayam dan kekacang;
- Memastikan atau menyediakan diet yang mengandungi lemak kolesterol yang rendah;
- Kurangkan makanan yang digoreng, bersantan atau berminyak;

- Kurang pengambilan kuih-muih yang manis;
- Daging yang tanpa lemak atau daging ayam yang tidak berkulit;
- menyedia atau menyajikan makanan yang kurang gula dan garam;
- Jangan menambahkan gula, garam atau yang bergaram ke dalam makanan;
- Kurangkan pengambilan makanan dalam tin yang mengandungi kandungan garam dan gula yang tinggi;
- Kurangkan pengambilan daging, telur masin atau ikan kering/masin;
- Lebihkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran segar daripada mengambil ais krim, kuih-muih, manisan atau puding; dan
- Minum lebih banyak air yang bersih.

### 3. KEBUDAYAAN

Cadangan Projek:

Bil.	JENIS PROJEK	AKTIVITI	KUMPULAN SASAR
1.	Media rakyat atau <i>folk media</i> <i>*Rujuk petikan Akta Warisan 2005 seperti di Lampiran 1</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempromosi kesihatan mengenai sesuatu isu melalui media rakyat yang berbentuk <i>edutainment</i>.</li> <li>- Kekuatan mesej bergantung kepada skrip yang bertemakan kesihatan. Antara media hiburan adalah seperti: Boria, dikir barat, ghazal, dondang sayang, mak yong, menora, randai dan sebagainya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat umum</li> <li>• Pelajar/remaja, kanak-kanak</li> <li>• Aktivis seni/budaya</li> <li>• Peminat</li> </ul>
2.	Persembahan hiburan kontemporari	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempromosi kesihatan melalui aktiviti pementasan atau media elektronik yang bertemakan kesihatan, antaranya: Pementasan drama, sketsa, teater, taridra, pentomin dan sebagainya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat umum</li> <li>• Pelajar/remaja kanak-kanak</li> <li>• Aktivis seni/budaya</li> <li>• Peminat</li> </ul>
3.	Seni tari <i>*Rujuk petikan Akta Warisan 2005 seperti di Lampiran 1</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempromosi kesihatan khususnya di bidang aktiviti fizikal melalui kegiatan tarian yang berbentuk tradisional dan moden. Antaranya: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Senam seni</li> <li>• Tarian 1 Malaysia</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat umum</li> <li>• Suri rumahtangga</li> <li>• Pekerja</li> <li>• Warga emas</li> <li>• Remaja/pelajar</li> </ul>

Bil.	JENIS PROJEK	AKTIVITI	KUMPULAN SASAR
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• J robik</li> <li>• Bhangra</li> <li>• Sumazau</li> <li>• Line dancing</li> <li>• Lain-lain tarian tradisional kumpulan etnik di Malaysia</li> </ul>	
4.	<p>Seni mempertahankan diri dan aktiviti fizikal lain</p> <p><i>*Rujuk petikan Akta Warisan 2005 seperti di Lampiran 1</i></p>	<p>- Mempromosikan kesihatan melalui aktiviti fizikal dan seni mempertahankan diri, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Silat</li> <li>• Yoga</li> <li>• Tai chi/chi qong</li> <li>• Silambam</li> <li>• Kabadi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat umum</li> <li>• Remaja/pelajar</li> <li>• Pekerja</li> <li>• Warga emas</li> <li>• Suri rumah tangga</li> </ul>



**PETIKAN AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005**

<b>BIL.</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>OBJEK</b>
1.	KESENIAN	Boria
		Gamelan
		Tarian Bhangra (Taria kaum Sikh)
		Tarian Bharata (Tarian Kaum India)
		Tarian Khatak (Tarian Kaum India)
		Gendang Dua Puluh Empat Perayaan (Gendang Cina)
		Chingay
		Tarian Topeng Mah Meri (Mayin JooH)
		Menora
		Ghazal
		Rodat
		Tarian Giddha (Tarian Kuam Punjabi)
		Tarian Kuchipuddi (Tarian Kaum India)
		Tarian Odissi
		Tarian Mohini Attam
		Tarian Kathali
		Tarian Manipuri
		Tarian Folk India (Tarian langgang)
		Tarian Yoga
		Tarian Kontemporari India
		Mek Mulung
		Sape
		Datun Julud
		Hadrah
		Canggung
		Cak Lempong
Bongai		
Hamdolok		
Dikir Barat		

BIL.	KATEGORI	OBJEK
		Dabus Belotah Tarian Asyik Tarian Kipas (Tarian Kaum Cina) Tarian Ulik Mayang Trinai Tandak Melayu Adat Valaikappu (Kaum India)
2.	<b>ADAT DAN BUDAYA</b>	Berkhatan/Bersunat Anak-anak Melayu Melenggang Perut (Kaum Melayu) Adat Cukur Jambul (Kaum Melayu) Buka Tanah Baru (Iban Sarawak) Adat Petudui (Melanau Sarawak) Sogit (Kadazan)
3.	<b>PERMAINAN TRADISI</b>	Wau Tradisi Malaysia Galah panjang Hencang Buah keras Sepak Raga Bulatan Congkak Gasing Batu Seremban Dam Haji Guli Ketinting Jan-Jan Jala Itik Konda Kondi Aci Sorok Cari Cucu

#### 4. PENYELIDIKAN

Kertas Cadangan Penyelidikan hendaklah termasuk yang berikut :

##### A. **Pendahuluan**

Pengenalan ringkas mengenai isu yang hendak ditangani. Mengapa anda pilih isu tersebut. Adakah isu tersebut penting untuk diselesaikan.

##### B. **Takrifan Masalah/ Pernyataan Masalah/ Isu Kajian**

Merujuk kepada satu (1) pernyataan yang jelas, tepat dan ringkas kepada persoalan atau isu yang diselidiki dengan tujuan untuk mencari jawapan atau penyelesaian.

i) Tentukan masalah yang dikenal pasti dalam tempoh yang :

- Kejadian, intensiti dan pengedaran
- Kaitan : Bertindak balas kepada isu kesihatan awam semasa di Malaysia?
- Dapatkan maklumat yang berkaitan daripada laporan, statistik, sastera
- Cari insiden / kelaziman masalah / penduduk bimbang risiko
- Satu kajian ringkas hasil kajian lain yang berkaitan

##### C. **Tujuan/ Matlamat**

Ia adalah sesuatu yang hendak dicapai atau tujuan melaksanakan kajian tersebut.

##### D. **Objektif/ Sasaran Kajian**

Objektif kajian merupakan pernyataan mengenai sasaran yang hendak dicapai, yang boleh diukur sebagai hasil daripada aktiviti penyelidikannya.

Lazimnya objektif kajian ditulis seperti berikut:

- mereka bentuk/ membangun .....
- mengenal pasti/ meramal .....
- menganalisis/ meramal .....
- menilai/ menguji .....

## **E. METOD**

- Bagaimana hendak menyelesaikan masalah kajian. Apakah cara atau kaedah yang anda guna bagi menyelesaikan masalah atau membangunkan projek?
- Model apa yang anda guna untuk membangunkan projek
- menerangkan bagaimana kajian akan dijalankan:
  - i. Lokasi kajian
  - ii. Reka bentuk kajian
  - iii. Saiz sampel
  - iv. Teknik pensampelan
  - v. Kaedah pengumpulan data – rangkuman dan kriteria pengecualian
  - vi. Analisis data

## **F. KAJIAN SASTERA**

Kajian sastera merupakan 'ground-clearing exercise' semasa melakukan projek penyelidikan. Ia membantu untuk mencapai tiga (3) perkara :

- i. Analisis kritis mengenai kajian sastera sedia ada mengenai subjek kajian;
- ii. Melakukan kajian sastera membantu proses menjangka dan merangka persoalan kajian kerana anda tahu apa yang sudah dilakukan terlebih awal daripada kajian anda; dan
- iii. Dapat mengetahui perbandingan dari segi kesesuaian, faedah dan kelemahan sesuatu kaedah penyelidikan yang dipilih oleh penyelidik lampau dan yang sedang dipertimbangkan dalam menyelidiki sesuatu topik.

Matlamat kajian sastera ialah merumuskan secara menyeluruh karya yang relevan. Ini bererti :

- fokus
- ringkas dan padat ketika mengestrak tema atau isu yang berkaitan dengan penyelidikan anda
- menyediakan rumusan karya yang berkaitan dengan penyelidikan anda
- kenal pasti sebarang karya yang mungkin relevan tetapi tidak boleh diperoleh semasa menyelesaikan penyelidikan.

# Pemohon perlu mendapatkan kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika rasmi sebelum permulaan projek.

## 5. BINA UPAYA

Pemohon boleh memilih pelbagai jenis atau bentuk latihan atau bina upaya seperti persidangan, seminar, bengkel, forum, kursus, majlis dialog dan sebagainya yang berkaitan dengan kesihatan ATAU bidang sukan dan rekreasi ATAU kebudayaan yang diselitkan dengan beberapa sesi pendidikan kesihatan untuk mempromosikan kesihatan atau pencegahan sesuatu penyakit.

Pemohon juga **diwajibkan** memilih dua (2) daripada enam (6) topik kesihatan yang ditawarkan sebagai sebahagian daripada projek yang ingin dilaksanakan.

Enam (6) topik tersebut adalah seperti berikut:

1. Kawalan tembakau (seperti program anti-merokok)
2. Masalah kegemukan (seperti obesiti)
3. Pemakanan sihat (seperti menu sihat)
